

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (PAHANG)

TARIKH: 17 DISEMBER 2019

MUKA SURAT: 30

## Bomba ambil masa tiga jam hantar bekalan

KUANTAN - Anggota bomba terpaksa menempuh perjalanan sukar hampir tiga jam untuk menghantar bantuan bekalan kepada 35 mangsa banjir di Ladang Sungai Enggang, Kampung Bukit

Lepas, Rompin selepas kawasan itu terputus hubungan akibat banjir kelmarin.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang, Nor Hisham Mohammad berkata, sepasukan anggota

ta dari Balai Bomba dan Penyelamat Rompin diketuai seorang pegawai bersama kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat berdepan kesukaran untuk masuk ke lokasi ekoran berlaku limpahan air di beberapa laluan selain keadaan jalan sempit.

"Dua kenderaan pacuan empat roda dan sebuah lori digunakan dalam operasi penghantaran bekalan ini," katanya melalui satu kenyataan tengah malam semalam.

Nor Hisham berkata, mangsa yang terjejas di ladang itu melibatkan sembilan keluarga dengan 17 daripadanya adalah kanak-kanak.

Situasi banjir di Rompin semakin serius apabila 1,003 mangsa babitkan 256 keluarga dipindahkan ke 10 pusat pemindahan sementara (PPS) semalam berbanding 862 mangsa daripada 231 keluarga kelmarin susulan hujan lebat sejak kelmarin.



Laluan ke Ladang Sungai Enggang yang sempit menyukarkan bomba menghantar bekalan dengan segera.



Operasi penghantaran bekalan ke Ladang Sungai Enggang mengambil masa tiga jam disebabkan beberapa lokasi laluan ditimpahi air dan keadaan jalan yang sempit.